




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

25 OKTOBER 2021

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 450 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 214,514 kes. Sebanyak lapan (8) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu empat (4) kes di daerah Kota Belud, dua (2) kes di Tawau dan masing-masing satu (1) kes di Kota Marudu serta Kudat. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 568 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 203,833 orang. Manakala 1,876 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 742 orang di hospital, 1,105 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 28 orang di Pusat Tahanan Sementara(PTS) / Penjara manakala satu (1) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 85 orang merangkumi 80 di ICU/repurposed kritikal care serta lima (5) di open ward (HDW/kubikel akut) dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 125 (46.82%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga (satu) 1 daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a Sabah meneruskan trend penurunan dengan penyusutan sebanyak (-52) kes. Hari ini Sabah mencatatkan (450) kes baharu, angka terendah sejak 16 Julai 2021.
- b Pada hari ini jumlah daerah yang mencatatkan penurunan kes ialah 16 daerah, lapan (8) daerah mencatatkan peningkatan kes dan tiga (3) daerah kekal sebagaimana catatan semalam. Hanya dua (2) daerah melepasi catatan (50) kes dan 19 daerah merekodkan kes di bawah paras (20) kes.
- c Daerah Kota Belud dan Ranau kekal menyumbang angka tertinggi catatan baharu jangkitan kes COVID-19 di kala daerah lain mula menunjukkan trend penurunan. Pada hari ini, Kota Belud mencatatkan kes tertinggi dengan (64) kes, diikuti dengan Ranau sebanyak (54) kes.
- d Daripada (450) kes hari ini, (266) kes atau 59.11% adalah merupakan kes-kes yang berlaku dalam tempoh 24 jam yang lalu. Selebihnya adalah kes-kes yang didaftar beberapa hari selepas keputusan saringan tersebut diperolehi..
- e 96% daripada kes hari ini adalah pesakit-pesakit dalam Kategori 1 dan Kategori 2 manakala bagi Kategori 3 seramai satu (1) orang, Kategori 4 seramai tiga (3) orang dan Kategori 5 seramai tiga (3) orang. (11) kes lagi masih dalam penilaian JKNS.
- f Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (255) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	4	0.89%
2	Bergejala	161	35.78%
3	Kontak	255	56.67%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	30	6.66%
JUMLAH		450	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (24 Oktober 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 24/10/2021	Catatan Kes 25/10/2021	Perbandingan
1	Kota Belud	42	64	+22
2	Kinabatangan	16	33	+17
3	Tenom	21	36	+15
4	Tuaran	17	30	+13
5	Tawau	10	17	+7
6	Beaufort	12	18	+6
7	Kudat	15	18	+3
8	Kalabakan	0	1	+1
9	Kunak	2	2	Mendatar
10	Semporna	2	2	Mendatar
11	Nabawan	2	2	Mendatar
12	Kota Marudu	33	13	-20
13	Keningau	49	30	-19
14	Lahad Datu	25	10	-15
15	Penampang	34	21	-13
16	Sandakan	20	8	-12
17	Pitas	15	3	-12
18	Papar	19	8	-11
19	Tambunan	17	10	-7
20	Kota Kinabalu	49	43	-6
21	Sipitang	13	7	-6
22	Kuala Penyu	7	2	-5
23	Tongod	3	0	-3
24	Ranau	56	54	-2
25	Beluran	8	6	-2
26	Telupid	4	2	-2
27	Putatan	11	10	-1
JUMLAH		502	450	-52

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (11 Oktober – 24 Oktober)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Belud	0	39	20	0	5	64	780
Ranau	0	43	8	0	3	54	558
Kota Kinabalu	0	15	24	0	4	43	813
Tenom	4	24	8	0	0	36	485
Kinabatangan	0	29	4	0	0	33	259
Keningau	0	20	10	0	0	30	512
Tuaran	0	23	7	0	0	30	455
Penampang	0	9	11	0	1	21	358
Kudat	0	8	9	0	1	18	459
Beaufort	0	12	6	0	0	18	393
Tawau	0	12	3	0	2	17	233
Kota Marudu	0	0	13	0	0	13	479
Lahad Datu	0	2	7	0	1	10	387
Tambunan	0	5	4	0	1	10	223
Putatan	0	1	7	0	2	10	250
Sandakan	0	1	4	0	3	8	234
Papar	0	2	5	0	1	8	290
Sipitang	0	0	6	0	1	7	179
Beluran	0	5	1	0	0	6	202
Pitas	0	0	2	0	1	3	289
Kuala Penyu	0	1	1	0	0	2	55
Telupid	0	1	0	0	1	2	113
Semporna	0	0	1	0	1	2	67
Nabawan	0	0	0	0	2	2	87
Kunak	0	2	0	0	0	2	66
Kalabakan	0	1	0	0	0	1	32
Tongod	0	0	0	0	0	0	69
JUMLAH	4	255	161	0	30	450	8,327

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tenom	Kluster Alab Senagang	4
Jumlah		4

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 6,298 unit

- Hospital 1,919 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,877 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 442 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 29.94%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 25 OKTOBER 2021

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	445
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	4
Jumlah	450

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Denmark	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	439
Bukan Malaysia	11
Jumlah	450

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	100
Belum Menerima Vaksin	56
Menerima 1 Dos	7
Lengkap 2 Dos	287
Jumlah	450

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	3
1 to 5	39
6 to 11	58
12 to 17	22
18 to 25	54
26 to 59	220
>60	54
Jumlah	450

C. BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH

BIL	DAERAH	BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 25 Oktober 2021)
	Tiada PKPD	

D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 24 Oktober 2021 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 16,255 orang. Daripada jumlah ini, seramai 10,379 orang adalah penduduk dewasa, 5,079 orang adalah penduduk remaja dan 797 orang adalah mereka yang menerima *Booster Dose* atau *Triple Dose*.

- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 24 Oktober 2021 adalah seramai 2,403,069 orang. Ini meliputi 2,078,019 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 75.33% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,275,052 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,021,119 orang atau 73.27% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 325,051 orang atau 74.90% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 253,933 atau 58.51% orang setakat ini.

E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **659,034** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 12 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 9,130 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak enam (6) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Enam (6) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 130 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 21 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiga (3) tangkapan dibuat iaitu dua (2) di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002 dan satu di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO).

4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan

- i Sebanyak 827 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Sebanyak tiga (3) notis/amaran dikeluarkan oleh PBT iaitu di daerah Kinabatangan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT.
- ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 218 premis perniagaan dan 228 individu di 18 kawasan. Lapan (8) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Kijasa Mart, Suria Inanam (2 Orang), Hanna Pet Shop, Suria Inanam (1 Orang), Lot 5 & 6, Blok D, Suria Inanam (4 Orang), Kojasa, Suria Inanam (1 Orang). Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.

5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 277 Premis Perniagaan melibatkan 182 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.

6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 135 anggota di 165 lokasi.

7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 10 premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.

8 Sejumlah 89 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di enam (6) daerah pada hari ini.

9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 197 hebahan di seluruh Sabah.

G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 3

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 3 pada hari ini ialah **97.7%** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kota Marudu	98.5%
2	Keningau	98.5%
3	Kunak	98%
4	Kinabatangan	98%
5	Kudat	98%
6	Papar	98%
7	Beaufort	98%
8	Kota Kinabalu	98%
9	Ranau	97.5%
10	Lahad Datu	97.5%
11	Semporna	97.5%
12	Beluran	97.5%
13	Kota Belud	97.5%
14	Sipitang	97.5%
15	Penampang	97.5%
16	Tawau	97%
17	Tenom	97%
18	Sandakan	97%
19	Tuaran	97%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#MalaysiaPrihatin

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II